



SIARAN MEDIA

KELULUSAN MITI KEPADA SYARIKAT UNTUK BEROPERASI TERPAKAI SEPANJANG PEMANJANGAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Berikutan pengumuman pemanjangan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia oleh Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) ingin memaklumkan kebenaran yang telah diberi kepada syarikat-syarikat untuk meneruskan operasi masih terpakai sepanjang tempoh pemanjangan PKP sehingga 14 April 2020. Kebenaran yang telah diberikan kepada syarikat untuk meletakkan mesin dalam keadaan siap siaga juga turut terpakai.

Perkhidmatan logistik bagi kilang-kilang yang sudah mendapat kebenaran MITI juga boleh meneruskan operasi. Walau bagaimanapun, penyedia perkhidmatan logistik persendirian bagi kilang-kilang yang mendapat kebenaran disarankan untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Selain itu, kebenaran untuk bekerja hanya terpakai kepada pekerja-pekerja yang disenaraikan di dalam permohonan syarikat yang diluluskan oleh MITI. Pihak majikan perlu menyediakan salinan surat kelulusan MITI berserta senarai lampiran pekerja untuk memudahkan pergerakan pekerja-pekerja terbabit ke tempat kerja dan pulang ke lokasi kediaman.

MITI juga ingin menekankan sebarang permohonan syarikat selepas tarikh tutup yang ditetapkan pada 24 Mac 2020 tidak akan diterima.

MITI berharap pemain industri akan memberi kerjasama penuh sepanjang tempoh pemanjangan PKP dan mematuhi syarat-syarat untuk beroperasi yang ditetapkan



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Majlis Keselamatan Negara. Ini adalah penting bagi memastikan penularan virus COVID-19 dapat dibendung secara efektif.

MITI juga ingin memaklumkan bahawa bekalan keperluan asas seperti bahan makanan adalah terjamin dan MITI serta kementerian-kementerian yang terlibat akan sentiasa memantau rantai bekalan makanan termasuklah perubatan bersama-sama dengan pihak industri.

-TAMAT-

Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)

25 Mac 2020

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my